

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PERLIS**

**ASAS KEUSAHAWANAN (ETR 300)**

**DIPLOMA KEJURUTERAAN AWAM**

**PASARAYA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PERLIS**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**SYARIKAT LEGACY SHOPPING CENTRE SDN. BHD**

AHMAD RIZAL AB. HALIM	96771426
ZAIYAWATI KAMARUDIN	96914689
AZRIN SAIDIN	96912965
MARIANI ISMAIL	96617966
SYAHRIL TALIB	96780111

## ISI KANDUNGAN

BIL	BUTIRAN	M/S
1.	SURAT PENYERAHAN	1
2.	SEKAPUR SIRIH	2
3.	PENGENALAN	3
4.	TUJUAN PENYEDIAAN RANCANGAN PERNIAGAAN	5
5.	LATAR BELAKANG PERNIAGAAN	6
6.	LOKASI	7
7.	LOGO SYARIKAT	8
8.	PENERANGAN LOGO	9
9.	LATAR BELAKANG PEMILIK	10
10.	RANCANGAN PENTADBIRAN	15
11.	RANCANGAN OPERASI	34
12.	RANCANGAN PEMASARAN	86
13.	RANCANGAN KEWANGAN	100
14.	RUMUSAN	119

## PENGENALAN

Dewasa ini pertambahan bilangan pelajar yang memasuki Universiti Teknologi Mara (UTM) dan pusat-pusat pengajian tinggi semakin pesat berlaku. Perubahan ini menyebabkan berkembangnya infrastruktur-infrastruktur untuk kemudahan dan keselesaan para pelajarnya. Salah satu kemudahan yang perlu disediakan ialah sebuah pasaraya yang lengkap dan ekonomi untuk memenuhi kehendak dan keperluan harian disamping keperluan pembelajaran. Sejajar dengan itu kumpulan kami telah menyediakan rancangan perniagaan mengenai pasaraya UTM. Pasaraya kami akan di kenali sebagai Legacy Shopping Centre.

Pada perancangan kami, pasaraya ini akan dibina di tapak gerai yang berhampiran dengan padang Bola Jati dan berhampiran dengan koperasi UTM Perlis. Pasaraya ini merangkumi kawasan seluas 2500 m persegi. Pasaraya UTM akan berkonsepkan ‘Makro’ di mana, barang yang dijual boleh dibeli secara borong atau pukal dengan harga yang berpatutan. Pasaraya ini akan disediakan dengan kemudahan sistem berkomputer bagi memudahkan pembayaran barang-barang yang ia adalah salah satu sistem keselamatan yang canggih pada abad ini. Selain itu kami juga menyediakan beberapa buah komputer untuk memudahkan pemesanan barang dibuat oleh pelanggan kami. Contohnya kami menyediakan katalog barang berkomputer dimana pelanggan boleh membuat pesanan secara terus tanpa perlu meninjau di rak-rak barang.

Bangunan pasaraya kami adalah bangunan 2 tingkat di mana, di paras bawah adalah pasaraya dan paras 2 ialah pejabat kami dan juga terdiri daripada kedai-kedai yang akan di sewakan bagi menggantikan medan selera yang akan dirobohkan. Kami akan mengasingkan pasaraya kami kepada beberapa bahagian mengikut jenis barang yang akan dijual. Contohnya barang sukan, alat tulis, pakaian, keperluan harian seperti sabun mandi, ubat gigi, berus gigi, pencuci pakaian dan sebagainya.

Barangan ini akan disusun mengikut kategori masing-masing d bahagian yang berlainan. Setiap bahagian akan dilengkapi dengan sistem berkomputer bagi memudahkan pesanan dan pembayaran. Pembayaran pula akan dilakukan secara tunai.

Pasaraya kami bukan sahaja terbuka kepada pelajar UTM sahaja, malah akan dibuka kepada orang luar termasuk pelajar-pelajar Matrikulasi Universiti Utara Malaysia (UUM). Jadi pasaran bagi pasaraya kami luas dan tidak tertumpu kepada pelajar UTM Perlis sahaja.

## LOKASI

Lokasi pasaraya kami terletak didalam kawasan UTM Cawangan PERLIS , 02600 Arau ,Perlis . Ia merupakan sebuah lokasi yang strategik di mana di kawasan tersebut terdapat ramai pelanggan kami terutamanya pelajar-pelajar dan kakitangan UTM itu sendiri dan Pusat Matrikulasi yang akan siap tidak lama lagi.

Disamping itu juga, kemudahan asas yang lengkap yang disediakan di situ seperti elektrik, telefon, tempat letak kereta, bekalan air, kawasan perniagaan serta sistem perhubungan jalan raya yang sistematik telah menarik minat kami untuk menuju ke pasaraya ini.

Oleh kerana kedudukan pasaraya kami yang strategik, kami yakin akan dapat meluaskan pasaran kami. Lokasi pasaraya kami terletak berhampiran dengan kawasan pembangunan dan pembelajaran dimana ianya akan memudahkan operasi perniagaan kami. Kami yakin lokasi yang kami pilih ini mampu untuk berkembang maju pada masa hadapan berdasarkan kedudukannya yang strategik.